

PROGRAM LAWATAN DAN PROMOSI AKTA PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN 1986 DAN PERKHIDMATAN DI PU GONG KEDAK

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2388-program-lawatan-dan-promosi-akta-penyerahan-bahan-perpustakaan-1986-dan-perkhidmatan-di-pu-gong-kedak

GONG KEDAK, 6 Sept 17 – Bahagian Pendidikan Pangkalan telah menerima kunjungan daripada Pusat Penyerahan terbitan Negara, Perpustakaan Negara Malaysia (PPTN,PNM) bertempat di Perpustakaan Pangkalan bertujuan untuk promosi/kesedaran Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Lawatan tersebut dihadiri Penolong Pengarah Pusat Penyerahan Terbitan Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Puan Siti Manoriah binti Saleh dan Cik Jamiliana binti Jamil telah disambut oleh Staf Bahagian Pendidikan Pangkalan, Ssjn Mohd Faizo bin Aziz.

Lawatan tersebut bertujuan bagi memastikan khazanah Intelek Negara dapat disimpan dan dipelihara sebagai Koleksi Negara bagi tujuan rujukan masa kini dan akan datang.

